

MSWG**MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP****Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad**

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

14.03.2014

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Pertama sekali, kami ingin berkongsi rasa simpati kami terhadap semua pihak yang terlibat terutamanya anggota keluarga penumpang dan anak kapal pesawat MH370 di mana kehilangannya masih diselubungi pelbagai misteri. Kami percaya usaha menyelamatkan dan mencari yang diterajui oleh Malaysia akan membuahkan hasil, meskipun pencariannya berdepan dengan pelbagai rintangan yang mencabar yang belum pernah dilalui oleh mana-mana negara; umpama mencari jarum di dalam timbunan jerami. Doa kami mengiringi pencarian MH370 agar selamat dijumpai.

Menyentuh isu bekalan air di Selangor, situasi di mana tiada jalan penyelesaian yang jelas di antara Puncak Niaga, Gamuda dan kerajaan negeri Selangor pasti menimbulkan rasa bosan banyak pihak, terutamanya penduduk negeri Selangor. Perbincangan antara pihak-pihak yang terbabit masih lagi berlarutan meskipun keadaan semakin meruncing, mengambilkira keadaan kemarau yang kini sudah melebihi satu bulan, kemungkinan berlakunya fenomena El Nino dan catuan bekalan air yang sedang dilaksanakan.

Memandangkan aset-aset industri perkhidmatan air melibatkan kepentingan negara, kami menyambut berita bahawa Kerajaan Persekutuan akan menguatkuasakan Seksyen 114 Akta Industri dan Perkhidmatan Air 2006 (WASIA) dengan perasaan yang bercampur baur antara lega dan risau.

Dari satu aspek, kami berasa lega kerana Kerajaan Persekutuan nampaknya, seperti kami, sudah bosan dengan kebuntuan mengenai isu penstrukturan semula industri air Selangor. Namun kami juga berasa risau kerana Seksyen 114 tidak menyatakan apa-apa mengenai isu pampasan kepada syarikat pemegang konsesi air yang mungkin memberikan kesan kepada pemegang saham minoriti syarikat-syarikat terbabit jika jumlah pampasan yang sewajarnya tidak diberikan.

Akhir sekali, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menjemput para pembaca supaya mendaftar sebagai pelanggan surat berita MSWG menerusi laman web kami di www.mswg.org.my. Dengan jumlah pelanggan yang lebih besar, MSWG akan dapat menganjurkan seminar atau program latihan untuk mendidik para pelanggan supaya menjadi pelabur bijak.

Salam,

Rita

PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

PADIBERAS NASIONAL BERHAD (“BERNAS”)

Pada 13 Mac 2014, Bernas telah mengumumkan bahawa tawaran pengambilalihan tanpa syarat telah dilanjutkan dari 18 Mac 2014 hingga 1 April 2014. Pemberi tawaran bersama juga memaklumkan bahawa mereka telah menerima penerimaan sah tawaran tersebut bagi 37,556,942 saham Bernas, mewakili kira-kira 7.98% daripada jumlah keseluruhan saham Bernas. Berikutan itu, pemberi tawaran bersama dan pihak yang bertindak secara bersama (“PAC”) secara kolektif telah memegang sebanyak 431,262,605 saham Bernas, mewakili kira-kira 91.67% daripada jumlah keseluruhan saham Bernas.

Pemberi tawaran bersama tidak berniat untuk mengekalkan status penyenaian Bernas. Mereka beserta PAC juga tidak berniat untuk mengambil sebarang langkah untuk menangani kekurangan pegangan saham milik awam di dalam Bernas. Menurut Perenggan 16.02(3) Keperluan Penyenaian Papan Utama Bursa Malaysia (“Keperluan Penyenaian”), jika pemberi tawaran bersama menerima penerimaan di bawah tawaran tersebut yang mengakibatkan mereka dan PAC memegang secara agregat 90% atau lebih saham Bernas, dan pemberi tawaran bersama tidak berniat untuk mengekalkan status penyenaian Bernas, Bursa Malaysia akan menggantung dagangan saham Bernas selepas tamat tempoh lima hari pasaran dari tarikh pengumuman oleh Bernas menurut Perenggan 9.19(48) di bawah Keperluan Penyenaian. Berikutan itu, dagangan saham Bernas akan digantung berkuatkuasa 21 Mac 2014.

KOMEN MSWG:

Bursa Malaysia akan menggantung dagangan saham Bernas pada 21 Mac 2014 selepas tamat tempoh lima hari pasaran menurut Keperluan Penyenaian. Tahap seterusnya adalah di mana pemberi tawaran bersama boleh mengambilalih secara wajib kesemua baki saham Bernas jika mereka telah memegang kira-kira 98.37% daripada jumlah keseluruhan saham Bernas.

KIAN JOO CAN FACTORYBERHAD (“KJCFB”)

Pada 10 Mac 2014, unit dagangan Toyota Motor Corp’s iaitu Toyota Tsusho Corp. (“TTC”) telah memaklumkan kepada Lembaga Pengarah KJCFB menerusi sepucuk surat tidak terikat kepentingan untuk mengambilalih 51% kepentingan di dalam KJCFB pada harga maksimum tentatif sebanyak RM3.74 sesaham. TTC juga menyatakan bahawa memandangkan ia belum menyempurnakan sebarang usaha wajar (“*due diligence*”) sebelum melakukan tawaran tersebut, TTC berhak untuk menyemak semula harga tawaran tanpa sebarang batasan.

KOMEN MSWG:

Tawaran am sukarela RM3.74 sesaham oleh TTC (“VGO”) boleh dianggap sebagai bidaan saingan kepada tawaran sebanyak RM3.30 sesaham yang ditawarkan oleh Aspire Insight Sdn Bhd (“AISB”). Bidaan TTC ini dialu-alukan di mana ianya menunjukkan keyakinan pembeli terhadap nilai dan tinjauan masa hadapan KJCFB, di mana tawaran VGO tersebut adalah pada harga yang lebih tinggi dengan premium sebanyak 13.3% berbanding tawaran AISB. VGO ini memberikan peluang kepada pemegang saham KJCFB bukan sahaja untuk merealisasikan saham mereka pada harga yang lebih tinggi tetapi juga mengekalkan

penyenaraian saham KJCFB memandangkan TTC hanya akan mengambilalih sehingga 51% kepentingan di dalam KJCFB.

Walaupun bagaimanapun, pemegang saham KJCFB perlu menyedari bahawa harga tawaran TTC tersebut bukanlah tawaran yang konkrit kerana ia tertakluk kepada perubahan selepas penyempurnaan usaha wajar ke atas KJCFB oleh TTC.

AMCORP PROPERTIES BERHAD (“AMCPB”)

Pada 12 Mac 2014 AMCPB telah mengadakan mesyuarat agung luar biasa (“EGM”) bagi membentangkan resolusi bagi cadangan pelupusan 20% kepentingan ekuiti di dalam Kesyahbandar Holdings Berhad (“KHB”) kepada Gamuda Berhad (“GB”) pada jumlah pertimbangan sebanyak RM280 juta. Pemegang saham AMCPB telah meluluskan resolusi tersebut dengan pengundian secara mengangkat tangan.

KOMEN MSWG:

Lembaga Pengarah AMCPB telah mencadangkan supaya hasil kutipan daripada pelupusan tersebut digunakan bagi pembayaran balik pinjaman bank, pelaburan modal komited, pelaburan modal masa hadapan dan modal kerja. Beberapa pemegang saham minoriti tidak berpuas hati kerana tiada peruntukan bagi pembayaran dividen khas kepada pemegang saham.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my
Chong Chee Fern, Pengurus Besar, Pemantauan Korporat chongcf@mswg.org.my
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my
Ng Hoon Ho, Pengurus Kanan, Pemantauan Korporat nghh@mswg.org.my
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my
Shahnul Niza Mohd Yusof, Pengurus, Penyelidikan shahnul.niza@mswg.org.my
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my
Wong Kin Wing, Penganalisa Kanan, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.